

23 NOV 1999

Mahathir-China

SEGALA MASALAH DISELESAI MELALUI RUNDINGAN, KATA DR MAHATHIR

PUTRAJAYA, 23 Nov (Bernama) -- Malaysia dan China tidak mempunyai perbezaan pendapat yang besar kerana kedua-dua negara percaya semua masalah hendaklah diselesaikan melalui rundingan, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Saya sukacita menyatakan bahawa kami tidak mempunyai perbezaan pendapat yang besar... malahan kami mempunyai pendirian yang sama dalam banyak isu antarabangsa. Kami percaya bahawa semua amasalah seharusnya diselesaikan melalui rundingan," kata Perdana Menteri.

Beliau menyatakan demikian selepas acara menandatangani beberapa perjanjian antara China dan Malaysia di Pejabat Perdana Menteri di sini.

Dr Mahathir menyaksikan acara itu bersama-sama Perdana Menteri China Zhu Rongji yang sedang melawat negara ini, selepas mesyuarat delegasi antara pegawai-pegawai kedua-dua negara.

"Kami juga percaya bahawa kami tidak seharusnya terburu-buru untuk mengadakan rundingan tetapi perlu mengambil masa sewajarnya untuk membolehkan kami menyelesaikan masaalah-masalah dengan amat teliti," kata beliau, merujuk kepada pertelingkahan mengenai kepulauan Spratly di Laut China Selatan.

Kepulauan Spratly dituntut secara sepenuhnya atau sebahagiannya oleh China, Vietnam, Taiwan, Filipina, Brunei dan Malaysia.

Dr Mahathir juga berkata kedua-dua negara telah dapat mencapai persefahaman tentang pelbagai isu semasa perbincangan mengenai perkara dua hala, serantau dan antarabangsa.

Kekerapan lawatan pegawai tertinggi antara kedua-dua negara membayangkan betapa rapatnya hubungan itu, katanya.

"Kedua-dua negara kita amat rapat daripada segi persefahaman dan pendekatan kita ke arah penyelesaian bagi masalah antarabangsa," kata beliau.

Pendapat yang serupa juga disuarakan oleh Perdana Menteri China, yang menyatakan bahawa tidak ada isu yang mendesak antara China dan Malaysia.

"Malahan bagi masalah-masalah yang wujud ketika ini pun, ia bukanlah tidak boleh diatasi," katanya.

Ketika memberi taklimat mengenai rundingan itu kemudiannya, Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata; "Setiap orang daripada kita bersetuju mengenai perlunya kod perilaku itu tetapi kita perlu menyelesaikan butirannya kerana ia mempunyai kesan jangka panjang.

"Tidak perlu kita terburu-buru terhadap sebarang perkara yang sudah kita persetujui secara prinsipnya," kata beliau.

Sementara itu, Zhu dalam jawapan bertulis kepada soalan-soalan yang dikemukakan oleh Bernama sebelum lawatannya ke Malaysia, berkata China sentiasa menyokong penyelesaian secara aman terhadap soal Laut China Selatan melalui dialog dua hala dan perundingan antara negara-negara yang berkaitan, dan menentang sebarang penglibatan kuasa luar.

"Ia juga tidak mahu perbincangan mengenai soal Laut China Selatan dibawa pada persidangan antarabangsa, memandangkan penglibatan yang meluas tidak akan membawa kebaikan terhadap penyelesaian persoalan berkenaan tetapi akan hanya memburukkan lagi masalah itu," katanya.

Beliau berkata China memahami hasrat ASEAN untuk merumuskan suatu kod perilaku mengenai Laut China Selatan dan telah membayangkan kepada ASEAN tentang kesediaannya untuk bekerjasama dengannya bagi mewujudkan kod itu.

Pada masa ini, pihak-pihak yang berkenaan sedang berunding dengan

serius mengenai perkara ini, katanya.

Pada taklimat media yang berasingan, jurucakap Kementerian Luar China Zhu Bangzao ditanya sama ada China bercadang untuk menandatangani kod perilaku bagi Laut China Selatan semasa sidang kemuncak tidak rasmi Asean di Manila pada 24 hingga 28 Nov.

Kod yang dicadangkan itu bertujuan mengelakkan ketegangan berkaitan kepulauan Spratly dan memastikan keamanan dan kestabilan serantau.

"Saya tidak fikir kod itu perlu dibincangkan dalam rangka kerja Sepuluh Campur Tiga. Saya rasa kod ini berkaitan dengan 10 campur 1 (sidang kemuncak Asean-China)," kata beliau, merujuk kepada mesyuarat tidak rasmi yang menemukan 10 negara Asean dengan rakan dialog mereka -- China, Jepun dan Korea Selatan.

Zhu berkata Beijing sentiasa percaya bahawa isu Laut China Selatan tidak harus dijadikan isu antarabangsa.

"... Saya sentiasa percaya bahawa isu Laut China Selatan adalah perkara antara China dan negara-negara yang berkaitan. Dan ia tidak harus dijadikan isu antarabangsa," kata beliau.

Zhu juga berkata pada masa ini rundingan yang serius sedang berjalan antara China dan Asean mengenai usaha merumuskan kod yang dicadangkan itu.

Beliau berkata Beijing memahami akan harapan negara-negara Asean untuk merumuskan kod seumpama itu, dan melahirkan kesediaan China untuk bekerjasama dengan Asean bagi menjayakannya.

Beijing menganggap kod yang dicadangkan itu sebagai dokumen penting antara China dan Asean dan pihaknya percaya dokumen itu harus dirumuskan secara beransur-ansur dengan penuh kesungguhan dan ketelitian, kata Zhu melalui jurubahasa.

-- BERNAMA

GM RV NMO